

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Khamis, 18 Mac 2021 9:32 pg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PERISTIWA LUAR BIASA, AZAB DI NERAKA



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 MAC 2021 / 4 SYAABAN 1442H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Pusat Islam

PERISTIWA LUAR BIASA, AZAB DI NERAKA



UUM ONLINE: Tanggal 27 Rejab setiap tahun, umat Islam seluruh dunia akan memperingati peristiwa besar Israk dan Mikraj yang berlaku pada junjungan besar, Rasulullah SAW seperti yang diceritakan dalam Al-Quran.

“Maha Suci Allah yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.”

Pengarah Urusan Murtadha Dakwah Centre (MADAD), Ustaz Mohammad Ya’kub Yusra Mohd Yusof berkata, banyak pengajaran daripada peristiwa Israk Mikraj. Baginda diperlihatkan pelbagai peristiwa luar biasa terutama azab dikenakan di dalam neraka.

Jelasnya, sekumpulan orang sedang memecahkan kepala mereka, setiap kali dipecahkan, kepala mereka elok kembali, lalu dipecahkan pula, itulah orang-orang yang tidak sembahyang.

“Menurut kajian yang dijalankan setiap 1,000 orang, hanya 250 sahaja yang sembahyang, data ini menunjukkan ramai yang tidak sembahyang. Barangsiapa yang suka menghimpun doa solat dalam 1 waktu sebelah kakinya menempa neraka jadi sembahyanglah di awal waktu.

“Dalam soal sembahyang tidak ada toleransi, jangan jadi mak ayah yang dayus dengan membiarkan anak tinggal sembahyang. Sehebat manapun ujian yang menimpa, jadikan solat sebagai kekuatan sepertimana yang dilakukan oleh para nabi,” kongsinya dalam ceramah anjuran Pusat Islam.

Rasulullah dipertontonkan sekumpulan orang yang hanya menutup kemaluan mereka (qubul dan dubur) dengan secebis kain, dihalau seperti binatang ternakan sambil makan bara api dan batu dari neraka sampai memecahkan perut mereka, demikian siksaan bagi orang yang tidak mengeluarkan zakat.

“Atas dunia sakit macam mana pun ada penghujung, apabila jasad terpisah dengan roh sudah tidak rasa sakit tetapi akhirat bersifat kekal kalau sakit maka selama-lamanya akan tersiksa bahkan tidak akan mati. Misalnya bunuh diri dengan terjun bangunan, di sana nanti dia akan terjun berkali-kali selama-lamanya.

“Kalau kita hebat akan sampai satu masa kita tidak larat, jangan sombong dengan Allah sama ada kaya, berpangkat jusa dan berpendidikan kerana kita tidak mampu menanggung penyiksaan di neraka,” katanya.

Di saat Covid-19 menyerang, banyak orang ditimpa kesusahan inilah masanya untuk kita memberi zakat terutamanya yang bekerja dan berniaga secara sambilan di pejabat.

“Tolong ambil berat bab zakat jangan buat lebih kurang, pergi ke pejabat zakat dan minta mereka buat kiraan. Kalau tidak membayar zakat, Allah tidak akan ambil 2.5 persen, kita bimbang Allah ambil semuanya sepertimana yang berlaku pada bilionair yang jatuh bankrup selepas pandemik,” kongsinya.

Kemudian Rasulullah diperlihatkan sekumpulan orang memakan daging mentah yang busuk sedangkan ada daging masak maka itulah orang yang berzina sedangkan masing-masing mempunyai isteri suami.

“Hari ini setiap 10 minit lahir seorang anak luar nikah sekali gus membuktikan kata-kata nabi dua perkara yang merosakkan umat iaitu lidah dan kemaluan,” ucapnya dalam program yang menampilkan Pegawai Hal Ehwal Islam, Ustazah Siti Khairiah Parlan sebagai moderator.

Rasulullah turut melihat orang yang berenang dalam sungai darah dan dilontarkan batu akibat mengambil riba semasa hidup di dunia.

“Tidak akan masuk syurga golongan yang makan harta yang haram seperti riba dan rasuah. Sesiapa yang makan riba bermakna dia berperang dengan Allah dan Rasul justeru tukarlah simpanan konvensional kepada simpanan patuh syariah serta jauhi pelaburan yang difatwakan haram,” tegasnya.

Nabi diperlihatkan seseorang yang menghimpun seberkas kayu yang tidak terdaya dipikulnya tetapi ditambah lagi kayu lain maka itulah orang tidak dapat menunaikan amanah tetapi masih menerima amanah yang lain.

Seterusnya, orang yang mencakar muka dan dada mereka dengan kuku tembaga mereka itulah orang yang memakan daging manusia akibat mengumpat dan menjatuhkan maruah.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.